

Hujan berterusan hingga 29 Disember

KUALA LUMPUR – Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan hujan sekejap-sekejap kadangkala sederhana dijangkan berterusan di Kelantan, Terengganu dan Pahang sehingga 29 Disember ini.

Menurut jabatan tersebut, keadaan itu akan menyebabkan banjir di kawasan-kawasan yang berkedudukan rendah.

“Kejadian banjir dijangkan masih boleh berlaku te-

rutamanya di kawasan-kawasan rendah pada lewat Disember 2012 dan Januari 2013,” kata kenyataan itu semalam.

Sementara itu, keadaan angin kencang selaju antara 50

hingga 60 kilometer sejam dengan ombak setinggi antara 3.5 hingga 4.5 meter di ramal berlaku di perairan Pantai Timur serta berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut.